

D882

U 8328 DEB

MAHATHIR-JIRAN

KUALA LUMPUR, 4 JAN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMINTA PENDUDUK KAWASAN BANDAR YANG SELALU SIBUK DENGAN TUGAS SEHARIAN SUPAYA MENUBUHKAN PERSATUAN PENDUDUK DALAM USAHA HENDAK MERAPATKAN HUBUNGAN SERTA MEMPUK SEMANGAT KEJIRANAN.

BELIAU BERKATA PENYERTAAN PENDUDUK DALAM PERSATUAN SEPERTI ITU ANTARA LAIN AKAN DAPAT MEMPUK KEHIDUPAN MASYARAKAT LEBIH SELESA, BAHAGIA DAN RASA SETIA KEPADA KAWAN DAN KEADAAN SEKELILING.

PERDANA MENTERI BERPENDAPAT BAHAWA PADA ZAMAN MODEN INI KEBANYAKAN MANUSIA TIDAK BEGITU MENGENDAHKAN JIRAN DAN KEADAAN SEKELILING KERANA TERLALU TERTUMPU KEPADA TUGAS MASING-MASING.

SIKAP SEDEMIKIAN RUPA BOLEH MENIMBULKAN KESULITAN APABILA BERLAKU SESUATU KEMALANGAN ATAU KECEMASAN KERANA LAZIMNYA MEREKA YANG TERLIBAT SUKAR HENDAK MENDAPATKAN BANTUAN JIRAN-JIRAN, KATANYA KETIKA MERASMIKAN PELANCARAN PERSATUAN PENDUDUK KAWASAN JALAN SETIAKASIH (PERKASIH), DI BUKIT DAMANSARA, DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA INI KERANA ADA DI KALANGAN PENDUDUK SESEBUAH KAWASAN YANG SALING TIDAK MENGENALI SATU SAMA LAIN. -- LAGI.

1353MST 04 01 87

D884

U 8330 DEB

MAHATHIR-JIRAN 2 KUALA LUMPUR

SEBAB ITULAH BELIAU MENGESYORKAN PENUBUHAN PERSATUAN SEDEMIKIAN RUPA BAGI MEMBOLEHKAN PENDUDUK MENJALANKAN PELBAGAI KEGIATAN KEBAJIKAN SEPERTI BERGOTONG-ROYONG DAN KERJA-KERJA AMAL.

MENURUTNYA PERSATUAN INI JUGA MEMBOLEHKAN ANAK-ANAK MEREKA BERGAUL DENGAN LEBIH RAPAT DAN MESRA SERTA MEMBESARKAN SEBAGAI MASYARAKAT YANG CINTA ALAM KELILING DAN NEGARA.

KATANYA BIBIT-BIBIT INILAH YANG AKAN MENJADIKAN NEGARA LEBIH KUKUH, KUAT DAN TERPELIHARA DARIPADA APA JUGA MALAPETAKA DAN JENAYAH.

BELIAU BERHARAP APA YANG DILAKUKAN OLEH PENDUDUK KAWASAN BERKENAAN AKAN MENJADI CONTOH KEPADA MEREKA YANG TINGGAL DI TEMPAT LAIN.

PERDANA MENTERI TURUT MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM ACARA TARIK TALI DAN MENCUCUK JARUM YANG DIANJURKAN OLEH PERKASIH. -- LAGI.

1400MST 04 01 87

D904

U 8343 DEB

MAHATHIR - JIRAN 3 KUALA LUMPUR

PASUKAN PERDANA MENTERI MEMENANGI ACARA TARIK TALI MENEWASKAN PASUKAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA TAN SRI SALLEHUDDIN MOHAMED YANG JUGA PRESIDEN PERKASIH.

BEGITU JUGA DALAM ACARA MENCUCUK JARUM, DR SERI DR MAHATHIR BERSAMA ISTERINYA MUNCUL SEBAGAI PEMENANG.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENYAMPAIKAN HADIAH KEPADA PEMENANG-PEMENANG PERTAMA KUMPULAN-KUMPULAN +JOGALONG+ YANG DIADAKAN AWAL PAGI INI SEMPERNA PELANCARAN PERKASIH.

TAN SRI SALLEHUDDIN DALAM UCAPANNYA SEBELUM ITU, BERKATA TUJUAN PERSATUAN ITU DITUBUHKAN IALAH UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH BERSAMA YANG DIHADAPI OLEH PENDUDUK KAWASAN ITU.

KATANYA MELALUI PERSATUAN SEUMPAMA ITU JUGA MEREKA DAPAT MENGATUR APA JUGA RANCANGAN KEGIATAN SOSIAL YANG DIRASAI SESUAI. -- LAGI.

1437MST 04 01 87

U B344 DEB

MAHATHIR - JIRAN 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA SUNGGUHPUN KAWASAN ITU WUJUD SEJAK TAHUN 70-AN, NAMUN BANYAK LAGI KEGIATAN REKREASI YANG MASIH PERLU DIADAKAN.

MENURUTNYA PENUBUHAN PERSATUAN ITU JUGA MEMBOLEHKAN PENDUDUK SEKITAR DAPAT MENGGUNAKAN MASA DENGAN CARA YANG LEBIH FAEDAH.

TAN SRI SALLEHUDDIN BERKATA KAWASAN ITU KINI MEMPUNYAI 2,000 ORANG PENDUDUK DAN 90 DARIPADA MEREKA PEGAWAI DAN BEKAS PEGAWAI KANAN KERAJAAN.

BELIAU MEMINTA BANYAK LAGI PENDUDUK DI SEKITAR KAWASAN BERKENAAN MENYETAI PERSATUAN. -- BERNAMA.

1440MST 04 01 87